

KAEDAH SARINGAN FOMEMA DIPERTIKAI

Klinik panel langgar SOP

BH PLUS

di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video

➔ Punca pekerja asing hidap penyakit berjangkit, masalah mental terlepas masuk

Format pemeriksaan perubatan pekerja asing



Oleh **Wan Noor Hayati Wan Alias**
wanti@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Ada klinik panel Agensi Pemantauan dan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing (FOMEMA) didapati melanggar Prosedur Operasi Standard (SOP) ketika menyaring pekerja asing.

Akibatnya, ada pekerja asing yang sebenarnya tidak layak bekerja di sini kerana faktor kesihatan terlepas, termasuk yang menghidap penyakit berjangkit atau masalah mental.

Pengarah FOMEMA, Datuk Mohd Hatar Ismail, berkata antara pelanggaran SOP ialah pemeriksaan saringan tanpa terlebih dahulu mendapat tanda tangan pekerja dan memeriksa tanpa menyemak pasport pekerja.

Laporan tanpa periksa

Katanya, ada juga klinik melakukan pemeriksaan dengan

hanya berpandukan salinan fotostat pasport pekerja dan mengeluarkan laporan tanpa pemeriksaanan.

Malah, katanya, ada majikan yang menghantar pekerja asing mereka untuk membuat pemeriksaan di klinik biasa dahulu bagi menentukan tahap kesihatan dan jika gagal, mereka akan menggantikan pekerja terbabit dengan yang berwajah seiras di klinik FOMEMA semata-mata mahukan laporan yang diwajibkan.

"Lazimnya kes sebegini dikesan menerusi saringan tahun seterusnya apabila jenis darah pekerja asing berbeza daripada

yang direkodkan untuk tahun sebelumnya," katanya.

Beliau mengulas laporan BH semalam mengenai saringan FOMEMA yang dipertikaikan kerana tidak mengambil kira aspek mental pekerja asing.

Mohd Hatar tidak menolak kemungkinan warga asing yang bermasalah mental boleh bolos saringan berikutan tindakan klinik panel itu.

Katanya, saringan mental pekerja asing sah ada dilakukan membabitkan aspek sejarah individu.

"Pegesanan dilakukan oleh doktor melalui senarai soalan

yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan sejak 1997, walaupun bukan pakar psikiatri, soalan sudah disemak oleh kementerian," katanya.

Gantung perkhidmatan

Katanya, FOMEMA pernah mengambil tindakan terhadap klinik terbabit dengan menggantung perkhidmatan mereka untuk tempoh tertentu.

Sehubungan itu, katanya, FOMEMA sedang mengkaji cadangan penggunaan biometrik bagi pencacaman status identiti warga asing dan juga menambah baik prosedur semakan saringan kesihatan.

DATE: **05 AUGUST 2016 (FRIDAY)**

MEDIA: **BERITA HARIAN – TAK TAHU WUJUD SARINGAN MENTAL – PG. 22**

Tak tahu wujud saringan mental

Kuala Lumpur: Selain saringan pemeriksaan pekerja asing yang dipertikaikan, aspek pemantauan kepada pematuhan saringan mental juga dipersoalkan.

Presiden Persatuan Agensi Pembantu Rumah Asing Malaysia (PAPA), Jeffrey Foo, berkata kaedah perlu dicari supaya jika saringan mental dilakukan, ia mestilah mematuhi peraturan dan dilakukan dengan betul.

Katanya, apakah langkah diambil Jabatan Tenaga Kerja untuk memastikan pematuhan persefahaman bersama antara negara lain turut dipatuhi, khususnya membabitkan saringan kesihatan di negara sumber.

Beliau berkata, setakat ini tiada pihak boleh mengesahkan adakah saringan yang sah sudah dibuat di negara asal atau masuk tanpa saringan atau saringan atas kertas sahaja.

Katanya, persatuannya sendiri tidak tahu wujudnya saringan mental untuk pekerja asing dilakukan FOMEMA sebelum ini atau mungkin hanya membabitkan prosedur soal jawab sahaja.

Perlu pemeriksaan pakar

“Saya berpendapat ia perlu dilakukan oleh pakar kerana sakit mental sukar dikesan secara lahiriah.

“Contohnya sakit mental ga-

gal dikesan ketika masuk ke negara ini atau pun mendapat sakit mental ketika sudah berada di dalam negara,” katanya kepada BH.

Sementara itu, Presiden Persatuan Majikan Amah Malaysia (MAMA), Engku Ahmad Fauzi Engku Muhsein, berkata pihaknya tidak mengetahui wujudnya saringan kesihatan mental sebagai syarat kemasukan pekerja asing ke negara ini.

DATE: **05 AUGUST 2016 (FRIDAY)**

ONLINE MEDIA: **BH PLUS YOUTUBE – KLINIK PANEL CULAS, WARGA ASING BOLOS SARINGAN – FOMEMA**

Retrieved from: <https://www.youtube.com/watch?v=W-MK7gw2TJM>

